

31/10/1999

Persefahaman Malaysia, Thailand jadi contoh

Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Hassan Omar

ALOR STAR: Kejayaan Malaysia dan Thailand menjalin kerjasama memajukan wilayah tuntutan bertindih di Teluk Thailand yang kaya dengan gas asli, perlu dijadikan contoh bagi kawasan bertindih yang membabitkan negara lain.

Malah kedua-dua negara berpendapat ia perlu menjadi ikutan pada peringkat antarabangsa bagi mengatasi pertikaian wilayah bertindih, sekali gus merapatkan hubungan negara terbabit.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawat, Chuan Leekpai bersetuju bahawa kejayaan kedua-dua negara mewujudkan Kawasan Pembangunan Bersama (JDA) di kawasan 7,250 kilometer persegi, kira-kira 250 kilometer dari Songkhla itu akan mengeratkan lagi hubungan kedua-dua negara.

Kedua-dua pemimpin menyatakan demikian pada persidangan akhbar bersama selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian penjualan dan pembelian bekalan gas dari Blok A di Kawasan Pembangunan Bersama Malaysia-Thailand (MTJDA), di sini semalam.

Perjanjian membabitkan Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand (MTJA), Petronas Carigali (JDA) Sdn Bhd, Triton Oil Company of Thailand dan Triton Oil Company of Thailand (JDA) Limited sebagai penjual dengan Petronas dan Petroleum Authority of Thailand (PAT) sebagai pembeli bekalan gas dari blok berkenaan.

Ketua Eksekutif MTJA, Ismail Sulaiman mewakili agensi berkenaan; PAT oleh Gabernornya Viset Choopiban; Petronas oleh Presidennya, Tan Sri Mohd Hassan Marican; Triton, Presidennya, Jams C Musselman, manakala Petronas Carigali oleh pengarahnya Datuk Mohammad Idris.

Petronas dan PAT juga menandatangani perjanjian pemegang saham bagi menubuhkan dua syarikat usaha sama. Syarikat berkenaan adalah The Trans-Thai-Malaysia (Thailand) Ltd (TTM) bagi projek Pipeline System and Gas Separation Plant di Thailand dan Trans-Thai-Malaysia (Malaysia) Sdn Bhd bagi pemegang projek di Malaysia.

Gas dari blok berkenaan akan disalurkan ke kilang pemisahan di Chana, dekat Songkhla menerusi saluran paip TTM.

Dari situ ia disalurkan ke Changlun, Kedah dan disambung dengan Peninsular Gas Utilisation (PGU) Petronas.

Hadir sama pada majlis di Dewan Seri Negeri, Wisma Darulaman itu Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar; Menteri Besar Kedah, Tan Sri Sanusi Junid, Menteri Perindustrian Thailand Suwat Liptapanlop dan Menteri di Pejabat Perdana Menteri, Savit Bhodivihok.

Dr Mahathir menyifatkan perjanjian berkenaan sebagai mercu tanda kejayaan kedua-dua negara menjalin kerjasama di wilayah bertindih dengan kedua-dua pihak menerusi agensi masing-masing bersetuju untuk berkongsi gas di kawasan berkenaan.

"Buat pertama kali, kedua-dua negara mencapai persetujuan untuk memajukan kawasan tuntutan bertindih yang pastinya baik untuk mengeratkan hubungan dua hala pada masa depan," katanya.

Terdahulu, dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata idea memajukan kawasan mengandungi sumber hidrokarbon itu, pendekatan 'menang-menang' bagi menyelesaikan tuntutan wilayah bertindih kedua-dua negara.

Menurutnya, MTJDA bakal menjadi sejarah terhadap kejayaan dan keunikan kerjasama sempadan antara kedua-dua negara dalam menyelesaikan pertikaian wilayah.

Chuan pula berkata sejak penerokaan di JDA pada 1994 dan pengesahan penemuan banyak gas asli di kawasan berkenaan, Thailand menaruh harapan tinggi bahawa ia bakal memanfaatkan kedua-dua negara.

Beliau yakin, selain menjadi contoh kepada kerjasama hubungan dua hala, ia menyumbang pembangunan ekonomi di lima wilayah selatan Thailand dan negeri utara semenanjung Malaysia, sekali gus menggiatkan aktiviti Pertumbuhan Segitiga Indonesia-Malaysia-Thailand.

(END)